



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 10, October 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Pendidikan Islam (GPI) Terhadap Kesiediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Mod Atas Talian

Nurul Farhana Bt Rerah¹, Mohd Faisal Mohamed¹

¹Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Malaysia

Correspondence: Nurul Farhana Bt Rerah (merah08@yahoo.com)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesiediaan GPI dalam PdP mod atas talian. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap kesiediaan PdP mod atas talian. Seramai 236 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah kebangsaan daerah Kota Setar telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan instrumen borang soal selidik. Analisis deskriptif menggunakan kekerapan, peratus dan min. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, tahap kemahiran yang sederhana dan tahap sikap yang sederhana terhadap kesiediaan PdP mod atas talian ini. Dalam konteks PdP atas talian pula, ia diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu sinkronis dan asinkronis. Menjadi keperluan untuk guru-guru menambahkan ilmu perkakasan aplikasi digital semasa supaya seiring dengan arus pembangunan pendidikan moden masa kini.

Kata kunci: pengetahuan, kemahiran, sikap, PdP mod atas talian

The Level of Knowledge, Skills and Attitudes of Islamic Education Teachers Towards the Readiness of Teaching and Learning Online Mode

Abstract

This study aims to survey the readiness of Islamic education teachers in teaching and learning in online mode. In addition, this study was also conducted to determine the level of knowledge, skills and attitudes of Islamic education teachers towards the readiness of online mode of teaching and learning. A total of 236 Islamic education teachers who teach in national schools in Kota Setar district were selected as the study sample. This study uses survey method with questionnaire form instruments. Descriptive analysis used frequency, percentage and minimum. Overall, the research department shows that Islamic education teachers have a high level of knowledge, a moderate level of skills and attitude towards the readiness of teaching and educating using online mode. In the context of online teaching and learning, it is classified into two parts namely; synchronic and asynchronous methods. There is a need for teachers to increase their knowledge of current digital application hardwares to keep pace with the development of modern education today.

Keywords: knowledge, skills, attitudes, learning and teaching online mode

Pengenalan

Sejarah pendidikan peringkat rendah di Malaysia tidak pernah mengalami perubahan corak pendidikan yang drastik. Seinggalah suasana pandemik yang melanda dunia telah menyebabkan seluruh tenaga pengajar terpaksa mengubah kaedah pendekatan pengajaran daripada tradisional kepada kaedah mod atas talian sama ada secara sinkronis atau asinkronis. Secara tidak langsung keadaan ini membuka ruang yang luas untuk para guru meneroka dan memanfaatkan apa jua aplikasi di platform yang tersedia di dunia maya untuk diterapkan dalam pengajaran mereka.

Namun begitu, pembelajaran atas talian bukanlah suatu yang janggal dalam sistem pendidikan negara. Kita pernah didedahkan dengan penggunaan Frog VLE dalam pembelajaran, namun ianya gagal kerana penggunaannya kurang mendapat sambutan di kalangan pendidik mahupun pelajar. Seinggalah senario yang berlaku sekarang memaksa kedua-dua pihak -pengajar dan pelajar akhirnya akur kepada perubahan era pendidikan moden dengan mengetengahkan kembali variasi komunikasi yang lebih efektif dalam dunia pendidikan diperoleh dengan segera dan pantas. Penggunaan PdP mod atas talian secara tidak langsung dapat menggambarkan kelebihan bakat dan kemahiran yang ada pada seseorang guru dalam ICT.

Sorotan Literatur

Meskipun Malaysia dalam usaha berada sebaris negara-negara berteknologi tinggi, namun tidak dinafikan sistem pendidikan di Malaysia masih belum mencapai status negara maju yang mampu mengendalikan pendidikan secara atas talian dengan berkesan (Muniroh, 2020). Ini dapat dilihat dengan masalah capaian internet yang dihadapi di kebanyakan kawasan bandar dan luar bandar, keberkesanan, komitmen dan kesediaan tenaga pengajar dalam mendepani PdP secara atas talian ini. Ak Hj Jamaludin (2016) berpendapat, nilai dan sikap yang dimiliki oleh seseorang guru adalah ciri-ciri yang perlu ada selain dari unsur pengetahuan, kemahiran dan kepercayaan.

Walaupun terdapat pelbagai platform pendidikan sedia ada di laman-laman web pembelajaran, tahap kesediaan penggunaannya masih berada di tahap sederhana. Dalam kajian Ammah (2017), menyatakan bahawa multimedia tidak digunakan secara optimum semasa PdP malah hanya terhad untuk kegunaan peribadi sahaja. Begitu juga kesediaan GPI dalam menyediakan bahan pengajaran sama ada yang berbentuk sinkronis dan asinkronis yang sesuai. Penggunaan aplikasi digital dalam PdP masa kini bukan hanya tertumpu kepada mata pelajaran tertentu sahaja, malah ianya meliputi semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesediaan GPI terhadap PdP mod atas talian. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap kesediaan dalam PdP mod atas talian. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:


- i. Mengetahui tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI dalam kesediaan PdP mod atas talian.
- ii. Mengetahui pengaruh pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap kesediaan PdP mod atas talian.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka kajian dibina berdasarkan Model Iceberg oleh Hay McBer (1996). Kerangka ini dibina berdasarkan teori bahawa sekiranya kompetensi sikap yang terlindung itu dapat dikeluarkan dan digabungkan dengan kompetensi yang sedia terlihat seperti pengetahuan dan kemahiran, maka akan

menghasilkan suatu input yang lebih baik dan komprehensif dalam kesediaan penggunaan PdP mod atas talian. Kerangka kajian dipaparkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Kerangka Kajian



Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif tinjauan melalui soal selidik untuk mengumpulkan data. Sampel kajian terdiri daripada 236 orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah kebangsaan daerah Kota Setar. Teknik pemilihan sampel dilakukan melalui penentuan saiz sampel yang dirujuk melalui jadual Krejcie dan Morgan (1990). Instrumen kajian ialah soal selidik mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A merupakan maklumat demografi responden, Bahagian B merupakan pengaruh pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap PdP mod atas talian dan Bahagian C menilai tahap kesediaan GPI dalam PdP mod atas talian.

Kesemua item telah diuji rintis untuk menguji kesahan item. Tahap kesahan dan kebolehpercayaan item diuji menggunakan pekali alpha Cronbach. Nilai alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah, nilai alpha 0.7 ke atas dianggap baik. Hasil analisis menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi keseluruhan data kajian ini adalah tinggi, iaitu 0.7- 0.9. Oleh itu, pernyataan item boleh diterima pakai dalam kalangan sampel kajian sebenar. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science (SPSS) v26*.

Dapatan Kajian

Tahap Pengetahuan GPI Terhadap PdP Atas Talian

Jadual 1 menunjukkan skor min bagi persepsi GPI terhadap pengetahuan mereka berkenaan PdP mod atas talian dengan merujuk kepada skala pengukuran mengikut Mohd Majid (1994). Daripada Jadual 1 dapat dilihat bahawa min tertinggi bagi tahap pengetahuan GPI terhadap PdP atas talian ialah pada item “*Saya tahu enjin pencari seperti google boleh digunakan untuk mencari maklumat*” dengan min 4.71 dan sisihan piawai 0.532 pada tahap yang tinggi. Bagi min yang paling rendah adalah pada item “*Saya sudah mula menggunakan platform PdP mod atas talian sejak mula diperkenalkan*” iaitu 1.92 dan sisihan piawai 1.011. Secara keseluruhan, item bagi tahap pengetahuan GPI terhadap PdP mod atas talian ialah pada tahap yang tinggi dengan jumlah min adalah 36.91 dan sisihan piawai 5.155.

Jadual 1. Tahap pengetahuan GPI terhadap PdP mod atas talian

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Pengetahuan
Saya tahu enjin pencari seperti <i>google</i> boleh digunakan untuk mencari maklumat.	4.71	0.532	Tinggi
Saya tahu menggunakan muat turun dan muat naik untuk tujuan PdP mod atas talian.	4.50	0.656	Tinggi
Saya boleh membina aktiviti pembelajaran saya secara individu atau secara berkolaborasi.	4.11	0.750	Tinggi
Saya tahu bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan secara atas talian.	4.44	0.691	Tinggi
Saya tahu jenis-jenis aplikasi yang boleh digunakan bagi PdP secara <i>asikronis</i> (tidak segerak/ <i>offline</i>).	4.08	0.746	Tinggi
Saya tahu jenis-jenis aplikasi yang boleh digunakan bagi PdP secara <i>sikronis</i> (segerak/ <i>online</i>).	4.08	0.736	Tinggi
Aplikasi secara <i>asikronis</i> (tidak segerak/ <i>offline</i>) seperti <i>youtube</i> , <i>whatsapp</i> dan telegram adalah medium yang popular digunakan dalam pendidikan untuk berkongsi maklumat.	4.67	0.548	Tinggi
Saya tahu mengendalikan aplikasi terkini yang sesuai berkenaan PdP mod atas talian secara <i>sikronis</i> (segerak/ <i>online</i>) seperti sidang video.	3.97	0.835	Tinggi
Saya tahu mengendalikan aplikasi terkini yang sesuai berkenaan PdP mod atas talian secara <i>asikronis</i> (tidak segerak/ <i>offline</i>) seperti (<i>apps</i>).	4.05	0.751	Tinggi
Saya tahu multimedia dapat membantu menjadikan pengajaran saya lebih kreatif.	4.40	0.680	Tinggi
Saya berpengetahuan luas dalam aplikasi yang sesuai untuk PdP Pendidikan Islam.	3.81	0.739	Tinggi
Saya sedar PdP mod atas talian memerlukan pengetahuan untuk merealisasikannya.	4.51	0.608	Tinggi
Saya sudah mula menggunakan platform PdP mod atas talian sejak mula diperkenalkan.	4.51	0.739	Tinggi
Saya tidak pasti tentang kemudahan yang disediakan di dalam internet untuk PdP secara mod atas talian.	2.48	1.113	Sederhana
Saya tidak suka berkongsi maklumat walaupun saya berpengetahuan mengenainya.	1.92	1.011	Rendah
Jumlah Keseluruhan	59.66	5.820	Tinggi

Tahap kemahiran GPI terhadap PdP mod atas talian

Jadual 2 menunjukkan skor min bagi tahap kemahiran GPI terhadap PdP mod atas talian. Skala pengukuran bagi ujian tahap ini dilihat berdasarkan ujian pengukuran Mohd Majid (1994). Berdasarkan Jadual 2, min tertinggi bagi persepsi terhadap tahap kemahiran GPI dalam PdP atas talian adalah pada item “*Saya boleh menggunakan enjin pencari untuk melayari maklumat*” dengan min sebanyak 4.22 dan sisihan piawai 0.732 bagi min yang terendah adalah pada item “*Saya boleh menggabungkan pelbagai elemen grafik dalam PdP mod atas talian*” dengan min 3.42 dan sisihan piawai adalah 0.797 pada tahap sederhana. Daripada dapatan yang diperoleh, kemahiran GPI terhadap PdP atas talian adalah pada tahap yang sederhana iaitu dengan jumlah min sebanyak 41.34 dan sisihan piawai adalah 6.091.

Jadual 2. Tahap kemahiran GPI terhadap PdP atas talian

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Kemahiran
Saya boleh mengendalikan perkakasan aplikasi terkini untuk PdP mod atas talian.	3.84	0.758	Tinggi
Saya mempunyai kebolehan dalam pengoperasian aplikasi untuk PdP mod atas talian.	3.72	0.724	Tinggi
Saya boleh menggabungkan pelbagai elemen grafik dalam PdP mod atas talian.	3.42	0.797	Sederhana
Saya boleh mengadaptasi video ke dalam PdP mod atas talian saya.	3.69	0.810	Tinggi
Saya boleh menggunakan enjin pencari untuk melayari maklumat.	4.22	0.732	Tinggi
Pdp secara <i>sikronis</i> (segerak/ <i>online</i>) seperti sidang video lebih mudah kerana penilaian boleh dibuat secara terus.	3.98	0.812	Tinggi
Saya boleh menggunakan elemen digital di dalam PdP saya supaya nampak menarik.	3.87	0.750	Tinggi
Saya boleh menyediakan rakaman berdurasi singkat setiap hari secara <i>asikronis</i> (tidak segerak/ <i>offline</i>) melalui <i>apps</i> seperti tiktok sebagai mukadimah PdP saya.	3.44	0.885	Sederhana
Saya hanya memuat turun pautan sedia ada sahaja sebagai bahan PdP saya.	3.42	0.984	Sederhana
Saya merakam suara saya sendiri untuk digunakan dalam PdP saya.	3.83	0.897	Tinggi
Saya boleh mengendalikan sesi PdP bersemuka dalam talian dengan mood ceria.	3.91	0.815	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	41.34	6.091	Tinggi

Tahap sikap GPI terhadap PdP atas talian

Analisis secara deskriptif dilakukan untuk melihat tahap sikap GPI terhadap PdP atas talian. Jadual 3 menunjukkan skor secara terperinci serta tahap bagi item yang dikemukakan kepada responden kajian. Terdapat 13 item dalam bahagian ini berdasarkan soal selidik. Berdasarkan Jadual 3, terdapat tiga tahap sikap guru terhadap PdP mod atas talian iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Bagi tahap tinggi, pernyataan “*saya gembira dapat menyampaikan ilmu walau dalam apa jua cara*” merupakan item tahap sikap GPI terhadap PdP atas talian yang paling tinggi berbanding dengan item-item yang lain dengan skor min 4.50 dan sisihan piawai ialah 0.662.

Bagi tahap sederhana pula, item “*saya rasa PdP secara atas talian membebaskan*” merupakan satu-satunya tahap sederhana GPI terhadap PdP atas talian. Tahap rendah pula ialah pada item “*PdP secara mod atas talian hanyalah membuang masa saya*” yang merupakan item paling rendah dengan skor min 2.16 dan sisihan piawai 1.017. Secara keseluruhan, tahap sikap GPI terhadap PdP atas talian adalah pada tahap yang sederhana dengan skor min keseluruhan adalah 51.17 dan sisihan piawai ialah 6.013.

Jadual 3. Tahap sikap GPI terhadap PdP atas talian

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Sikap
Perkembangan dalam teknologi masa kini merangsang saya untuk membuat PdP secara atas talian.	3.98	0.804	Tinggi

Peralatan dalam bidang pendidikan digital yang saya miliki sekarang amat mudah digunakan.	3.94	0.741	Tinggi
Saya sangat teruja untuk menggunakan aplikasi PdP mod atas talian dalam sesi pengajaran saya.	3.77	0.794	Tinggi
Saya berminat untuk mempelajari teknologi pendidikan yang baharu.	4.22	0.730	Tinggi
Saya suka meneroka mencari aplikasi yang mudah untuk difahami oleh murid.	4.17	0.777	Tinggi
Teknologi pendidikan digital adalah kaedah pengajaran baru yang perlu dikuasai oleh GPI.	4.44	0.666	Tinggi
Pdp secara <i>sikronis</i> (segerak/ <i>online</i>) bukanlah halangan untuk saya menyampaikan ilmu kepada anak murid saya.	4.22	0.718	Tinggi
Pdp secara <i>asikronis</i> (tidak segerak/ <i>offline</i>) bukanlah halangan untuk saya menyampaikan ilmu kepada anak murid saya.	4.26	0.651	Tinggi
Walaupun ada perasaan segan dalam melaksanakan PdP atas talian, saya mesti cuba juga lakukan.	4.28	0.719	Tinggi
Saya gembira dapat menyampaikan ilmu walau dalam apa jua cara.	4.50	0.662	Tinggi
Sikap berlapang dada dengan ilmu baru menjadikan saya tenang.	4.41	0.717	Tinggi
Saya rasa PdP secara atas talian membebankan.	2.81	1.142	Sederhana
PdP secara mod atas talian hanyalah membuang masa saya.	2.16	1.017	Rendah
Jumlah Keseluruhan	51.17	6.013	Tinggi

Penilaian tahap kesediaan GPI dalam PdP mod atas talian

Jadual 4 menunjukkan tahap kesediaan GPI dalam PdP mod atas talian. Dengan menggunakan skala pengukuran min Mohd Majid (1994), pengkaji dapat melihat tahap kesediaan GPI terhadap PdP mod atas talian. Secara keseluruhannya, tahap kesediaan GPI adalah pada tahap tinggi.

Dengan ini menunjukkan bahawa GPI bersedia dalam mengaplikasikan PdP atas talian ini dengan pengetahuan yang ada. Jumlah skor min bagi tahap ini ialah 36.91 dan sisihan piawai adalah 5.155. Tahap kesediaan GPI yang paling rendah ialah “*kursus berkenaan PdP mod atas talian yang disediakan oleh unit teknologi pendidikan di peringkat daerah dan negeri kepada GPI adalah memadai*” dengan skor min 3.51 dan sisihan piawai 0.991.

Jadual 4: Tahap kesediaan GPI dalam PdP mod atas talian

Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap Kesediaan
Sokongan dari barisan pentadbiran memberi saya semangat untuk menggunakan PdP secara atas talian.	4.11	0.758	Tinggi
Saya bersedia bekerjasama dengan barisan GPI sekolah saya untuk menggunakan platform PdP mod atas talian.	4.28	0.738	Tinggi
Bahan sokongan seperti buku teks digital membantu memudahkan proses BBM saya.	4.39	0.691	Tinggi
Saya menjalankan PdP mod atas talian mengikut keselesaan penerimaan akses murid saya.	4.36	0.659	Tinggi
Saya menjalankan PdP mod atas talian mengikut keselesaan penerimaan akses murid saya.	4.35	0.782	Tinggi

Kerjasama daripada komuniti setempat membantu GPI melaksanakan tugas dengan baik.	4.15	0.737	Tinggi
Kerjasama daripada komuniti setempat membantu GPI melaksanakan tugas dengan baik.	4.08	0.857	Tinggi
Kursus berkenaan PdP mod atas talian yang disediakan oleh unit teknologi pendidikan di peringkat daerah dan negeri kepada GPI adalah memadai.	3.51	0.991	Sederhana
Saya selalu menyertai kursus-kursus atas talian sama ada anjuran KPM atau persendirian sebagai persediaan dalam menghadapi PdP mod atas talian.	3.68	0.975	Tinggi
Jumlah Keseluruhan	36.91	5.155	Tinggi

Pengaruh pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap kesediaan PdP mod atas talian

Berdasarkan jadual 5, analisis regresi menunjukkan bahawa saiz sampel (n=236), skor sikap merupakan peramal signifikan pada darjah 54 peratus dan kesediaan GPI dalam PdP mod atas talian dipengaruhi oleh pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI secara signifikan sebanyak ($R^2 = 0.594$) iaitu 59.4 peratus manakala 40.6 peratus lagi disumbangkan oleh variabel-variabel lain yang tidak dikaji dalam kajian ini. Daripada interpretasi berikut, nilai setiap variabel adalah lebih kecil daripada $\alpha = 0.05$. Ini menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan secara linear pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap kesediaan dalam PdP mod atas talian.

Jadual 5: Analisis Regresi

Pemboleh ubah	Kesediaan		t	P	Sumbangan %
	B	β			
Konstant	0.131		0.056		
Pengetahuan	0.136	0.153	2.459	0.015	38%
Kemahiran	0.191	0.225	3.303	0.001	45%
Sikap	0.406	0.474	7.663	0.000	54%
F = 113.093 R = 0.771					
Sig F = p < 0.05 R ² = 0.594					

Kesimpulan

Hasil analisis kuantitatif dalam kajian ini menunjukkan kebanyakan GPI mempunyai tahap pengetahuan, tahap kemahiran, tahap sikap yang tinggi dalam kesediaan PdP mod atas talian. Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap GPI terhadap kesediaan PdP mod atas talian. Pendekatan secara sikronis dan asikronis perlulah sesuai mengikut masa, kemampuan peranti dan akses internet kedua-dua pihak guru dan murid supaya masing-masing mendapat impak yang positif dalam proses PdP tersebut. Namun begitu, harus diingatkan bahawa teknologi hanyalah sebagai alat bantu dalam proses PdP, ia tidak akan dapat menggantikan kedudukan guru dalam erti kata yang luas.

Rujukan

- Ammah. E. S. (2017). Pengembangan ICT (*Information Communication Technology*) sebagai solusi inovatif pembelajaran Bahasa Indonesia di Era Tsunami Digital. *Tarbiyuna*, 1(1): 48-57
 Astro Awani 15 APRIL 2020. <https://www.astroawani.com-15-april-2020>
 BHonline 18 APRIL 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional>

- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. 2nd Edition.
- Janet B. A., Mishack T. G., & Eunice, E, O. (2017). In-Service Secondary School Teachers' Technology Integration Needs in an ICT Enhanced Classroom. *Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET*, 16(3), 79-87.
- Emily Angelina Charles Terry. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Bahasa Iban sekolah rendah daerah Sri Aman terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Bahasa Iban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 342-354 (2021). <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Fenny, L. Y. F. (2020). Kaedah pengajaran dalam talian guru Bahasa Melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan Cina sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 57-74.
- Juhaidah Abd Halim. (2020). *Teori Kompetensi; Ulasan dari perspektif kemahiran digital*. Center for Software Technology and Management (SOFTAM), UKM
- Marni Izzati Kamaruddin. (2020). Perbezaan tahap pengetahuan, penggunaan dan penerimaan guru Bahasa Melayu berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar ketika mengaplikasikan persekitaran pembelajaran. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/57>, UKM
- Mohd Anuar B Abd. Rahman. (2017). Pengetahuan, kemahiran dan sikap guru penyelaras ICT di sekolah-sekolah rendah zon Paloh, Kluang. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-9.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, R. Zirwatul Aida R Ibrahim. (2018). *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*.
- Mohd Faiz Mohd Baharan. (2021). Interactive learning in Islamic education using Frog VLE: readiness and proficiency of teachers. *Proceedings of International Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021)*, UiTM Cawangan Kelantan. (Unpublished)
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi. (2020). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/issue/view/315>
- Muniroh Hamat. (2020). Adaptasi pengajaran dan pembelajaran secara maya dalam kebiasaan baharu semasa pandemik covid-19.
- MySumber.com 14 JULAI 2020. <https://www.mysumber.com/tarikh-sekolah.html>
- Nor Zaira Razali. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan VLE Frog dalam kalangan guru di sekolah menengah. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016): 1023- 1032
- Rasmitadila. (2020). The perception of primary school teachers of online learning during the covid-19 period: A case study in Indonesia. *Journal of Ethnic and Cultural Studies*, 7(2), 90-0-109. <http://dx.doi.org/10.29333/ejecs/388>
- Siti Nurbaizura Che Azizan. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan *Home Based Learning* (HBL) semasa tempoh pandemik covid-19. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature (KHAS COVID-19)*, 11.
- Suzlina Hilwani Baharuddin. (2016). Tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru sekolah menengah terhadap penggunaan Web 2.0 dalam pengajaran Bahasa Melayu. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/33>, UKM
- Thanh Thi Ngoc Phan. (2017). Teacher readiness for online teaching: A critical review. *IJODEL*, 3(1).